

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 MAY 2017

Lawatan kerja Najib selama lima hari ke China

Berjaya capai hasil menggalakkan

Um-17/5/2017

Pg.4

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 MEI

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, lawatan kerja beliau ke China selama lima hari telah mencapai keberhasilan yang sangat menggalakkan.

Najib berkata, jika dilihat kembali, lawatan yang bermula di Hangzhou dan berakhir di Beijing itu boleh dirumuskan berdasarkan empat kejayaan utama.

Menurut beliau, kejayaan pertama ialah sembilan perjanjian persefahaman (MoU) dalam pelbagai sektor seperti pembinaan, pertanian, pasaran kewangan, infrastruktur dan kerjasama pelaburan sebanyak USD7.22 bilion atau kira-kira RM31.26 bilion telah berjaya dicapai.

"Kebanyakan projek ini akan dilaksanakan di Malaysia, antaranya Robotic Future City di Johor Bahru seluas 404 hektar yang akan melibatkan pelaburan melebihi RM15 bilion.

"Sabah dan Sarawak turut mendapat manfaat daripada lawatan ini. Di Sarawak, usahasama kilang penghasilan methanol dan derivatif antara Yayasan Hartanah Bumiputera Sarawak, Consortium of Huanhqi Contracting and Engineering Co. dan MACFEAM Sdn. Bhd., yang

bernilai RM2 bilion akan dibina serta dianggarkan siap pada tahun 2021.

"Di Sabah pula, kerjasama untuk membangunkan The Shore yang bernilai USD132.58 juta (RM569 juta) telah dimeterai," katanya menerusi blog *najibrazak.com* hari ini.

Perdana Menteri berkata, kejayaan kedua pula dari segi hubungan dua hala, Malaysia dan China kini berada pada tahap terbaik dalam sejarah dan Presiden China, Xi Jinping mengucapkan terima atas sokongan Malaysia terhadap inisiatif *One Belt, One Road*.

"Alhamdulillah, sebagai antara negara yang pertama menyokong inisiatif ini, kita sebenarnya telah mendapat manfaat langsung seperti pembiayaan pembinaan Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) oleh Exim Bank of China," katanya.

Tambah beliau, perkembangan dari segi *Digital Free Trade Zone* juga sangat memberangsangkan dengan perjanjian persefahaman antara Malaysia Digital Economy Corporation, Hangzhou Municipal Government dan Alibaba (China) Company Limited.

"Kita akan dapat membangunkan industri e-dagang kita melalui inisiatif ini dengan Malaysia bakal menjadi hab ekonomi digital di rantau Asia Tenggara dengan anggaran pertumbuhan

dua angka," katanya.

Dalam pada itu, kejayaan terakhir pula melibatkan kesediaan Malaysia untuk memulakan rundingan mengenai Malaysia - Sri Lanka Free Trade Agreement.

"Semasa mesyuarat dua hala dengan Sri Lanka, saya telah

menyatakan kesediaan Malaysia untuk memulakan rundingan tersebut.

"Perdana Menteri, Ranil Wickremesinghe juga telah menjemput syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di sana atas dasar pelaburan mereka yang lebih terbuka," katanya.



Kejayaan pertama ialah sembilan perjanjian persefahaman (MoU) dalam pelbagai sektor seperti pembinaan, pertanian, pasaran kewangan, infrastruktur dan kerjasama pelaburan sebanyak USD7.22 bilion."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

